



11 JUN, 2026

PETRONAS kekal jenama Malaysia paling bernilai

Berita Harian, Malaysia



PETRONAS kekal jenama Malaysia paling bernilai

PETRONAS mengekalkan kedudukannya sebagai jenama paling bernilai di Malaysia bagi tahun ke-16 berturut-turut meskipun berdepan persekitaran operasi global yang semakin mencabar.

Laporan Malaysia 100 2026 yang diterbitkan firma perunding penilaian jenama terkemuka dunia Brand Finance menunjukkan nilai keseluruhan 100 jenama teratas Malaysia meningkat lima peratus tahun ke tahun kepada AS\$62.2 bilion (RM252.5 bilion)

PETRONAS terus mendahului senarai berkenaan dengan nilai jenama sebanyak AS\$13.8 bilion (RM56.02 bilion), susut empat peratus berbanding tahun sebelumnya.

Menurut Brand Finance, PETRONAS terus menunjukkan daya tahan melalui asas operasi yang stabil, pengembangan aktiviti huluhan serta pelaburan berterusan dalam inisiatif peralihan tenaga jangka panjang meskipun harga tenaga global lebih rendah.

Genting Bhd pula naik ke kedudukan kedua sebagai jenama paling bernilai di Malaysia dengan nilai jenama meningkat 23 peratus kepada AS\$6 bilion (RM24.4 bilion)

Prestasi itu dipacu oleh peningkatan prestasi operasi, pertumbuhan volum perniagaan dalam segmen riadah dan hospitaliti serta

pemulihan berterusan permintaan pelancongan serantau di pasaran utama termasuk Malaysia dan Singapura.

Maybank Bhd mengekalkan kedudukan ketiga dengan nilai jenama meningkat empat peratus kepada AS\$5.4 bilion (RM21.9 bilion) disokong pertumbuhan pendapatan yang stabil, pengurusan kos berdisiplin serta peningkatan kualiti aset di pasaran teras ASEAN.

Laporan sama turut mengekalkan pasti 100PLUS sebagai jenama dengan pertumbuhan terpanjang di Malaysia tahun ini apabila nilai jenamanya melonjak 166 peratus kepada AS\$190 juta (RM771.3 juta)

Peningkatan itu mencerminkan kedudukan jenama minuman isotonik berkenaan yang semakin kukuh dalam pasaran Asia Tenggara, khususnya yang berkait rapat dengan keperluan hidrasi dan prestasi sukan.

Pengarah Urusan Asia Pasifik Brand Finance, Alex Haigh, berkata juara nasional seperti PETRONAS, Maybank, Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan PROTON Holdings Bhd (PROTON) terus menjadi asas kepada landskap jenama negara.

“Juara nasional seperti PETRONAS, Maybank, Tenaga Nasional dan PROTON dalam sektor tenaga, perbankan, infrastruktur dan pengguna terus menjadi asas kepada landskap jenama negara, sementara kami turut menyaksikan momentum lebih kukuh daripada jenama baharu yang berkait dengan logistik, kesalinghubungan, digitalisasi dan penggunaan gaya hidup,” katanya.

